

PERBANDINGAN ANTARA TABUNG PERNIAGAAN KECIL SELIAAN KERAJAAN DAN PINJAMAN BIASA DARI PERSPEKTIF PEGAWAI BANK

YUSNIDAH IBRAHIM

*Fakulti Kewangan dan Perbankan
Universiti Utara Malaysia*

MOHD SOBRI MINAI

*Fakulti Teknologi Maklumat
Universiti Utara Malaysia*

ABSTRAK

Pelbagai tabung telah dilancar oleh kerajaan dan disalur melalui beberapa institusi kewangan untuk menangani masalah kekurangan modal di kalangan pengusaha-pengusaha industri kecil dan sederhana (IKS). Salah satu daripada institusi perlaksana yang memainkan peranan penting dalam penyaluran tabung perniagaan kecil seliaan kerajaan (TPKSK) ialah bank perdagangan. Kejayaan bank-bank perdagangan ini bergantung antara lainnya kepada ciri-ciri tertentu individu-individu yang terlibat secara langsung dengan tugas-tugas pemberian pinjaman. Artikel ini membentangkan dapatan-dapatan kajian mengenai persepsi pegawai-pegawai bank terhadap aspek-aspek tertentu TPKSK berbanding dengan pinjaman biasa. Aspek yang diteliti meliputi tahap kesukaran pengurusan, tahap keuntungan, kecenderungan untuk menjadi pinjaman bermasalah dan tahap penyumbangan kepada kenaikan pangkat. Ia juga mengkaji pandangan umum tentang keperluan kepada tabung perniagaan kecil seliaan kerajaan TPKSK, pentingnya peranan bank perdagangan dalam penyaluran tabung dan sama ada perlaksanaan tabung ini membebankan pihak bank. Perbezaan pendapat antara pengurus cawangan dengan pegawai kredit dan antara pegawai bank di luar bandar dengan pegawai bank di bandar juga dilaksanakan untuk membolehkan rumusan yang lebih terperinci dilakukan.

Kata Kunci: *Industri Kecil dan Sederhana, Keputusan Pemberian Pinjaman, Tabung Perniagaan Kecil Seliaan Kerajaan.*

ABSTRACT

The Malaysian government has established various types of funds to cater the needs of small and medium industry (SMI). These funds are made available to entrepreneur through participating financial institutions such as commercial banks and development financial institutions. The success of commercial banks in their roles, among others depends on certain characteristics of the people that are actually dealing with the funds. This article highlights the perceptions of commercial bank officers on several aspects of both ordinary loans and loans given from the government funds. Opinions sought from these officers include factors relating to the administration of the funds, the profitability of the funds, the contribution of the funds to job promotion, and the tendency of the loan under the funds becoming problematic loans. Divergence of opinions between branch managers and credit officers, as well as between officers in town/metropolitan areas and rural areas, are investigated. Findings from this study would be useful to various parties, especially the government and financial institutions, in making the financial assistance programme for small and medium scale enterprises a successful endeavour.

Keywords: *Small and medium Industry, Lending decision-making, Government Administered Small Business Funds.*

PENGENALAN

Masalah kewangan yang dihadapi oleh IKS telah menambat perhatian pelbagai pihak termasuk pihak kerajaan dan ahli-ahli akademik. Ini disebabkan oleh peranan penting yang sering dikaitkan dengan IKS dalam aspek pertumbuhan ekonomi, penstabilan politik dan kesejahteraan sosial sesebuah negara. Dalam konteks IKS di Malaysia, antara peranan dan kepentingan mereka yang telah dikenal pasti ialah menyediakan peluang pekerjaan, meningkatkan jumlah simpanan dan penjimatan wang asing, meningkatkan agihan pendapatan penduduk, mewujudkan dan meningkatkan kemahiran di kalangan tenaga kerja, meningkatkan arus pemindahan teknologi dan hubung jalin antara syarikat kecil dengan syarikat besar serta memperkukuhkan struktur asas pembangunan industri negara. Banyak yang telah didokumentasikan mengenai peranan-peranan IKS ini. Di samping itu, banyak juga kajian dan tinjauan am yang mendapati masalah kekurangan modal adalah antara masalah utama yang membantut pertumbuhan IKS (Poll, 1995; Boocock & Wahab, 1997; Hashim, 1999; Carpenter & Peterson, 2002). Masalah kekurangan modal IKS pula telah dikaitkan dengan kesukaran mendapatkan pinjaman daripada institusi-institusi kewangan (Haron & Shanmugam, 1994a; Weidner, 1998; Amstead, 1999).

Bagi mengatasi masalah kekurangan modal dan kesukaran mendapatkan pinjaman, kerajaan telah melancarkan pelbagai jenis tabung yang bermatlamat antara lain untuk memastikan sektor IKS mempunyai capaian kepada pinjaman pada kos yang munasabah dan menyelamatkan perniagaan-perniagaan yang tenat tetapi berpotensi (BNM, 1999). Antara beberapa tabung dengan peruntukan besar yang dikhususkan kepada IKS adalah Tabung untuk IKS (TIKS) berjumlah RM1.85 billion, Tabung Usahawan Baru (TUB) berjumlah RM1.25 billion, Tabung Pemulihan Usahawan (TPU) berjumlah RM800 juta dan Tabung Pemulihan untuk IKS (TPIKS) berjumlah RM500 juta. Tabung-tabung ini, yang dirujuk sebagai Tabung Perniagaan Kecil Seliaan Kerajaan (TPKSK), disalurkan melalui institusi-institusi pelaksana yang terdiri daripada kesemua bank perdagangan, syarikat-syarikat kewangan terpilih dan empat institusi kewangan pembangunan.

Di sebalik perkembangan positif di atas, masih lagi terdengar rungutan di pihak IKS mengenai kegagalan mendapatkan pembiayaan. Selain berpunca daripada kelemahan di pihak IKS sendiri (Haron & Shanmugam, 1994a; Binks & Ennew, 1996), tahap penyaluran dana yang rendah dan lambat oleh institusi-institusi kewangan juga dipercayai menyumbang kepada masalah ini. Seperti yang telah dilaporkan BNM, pada akhir Disember 2000, hanya RM284.6 juta daripada RM800 juta yang telah diperuntukan pada Februari 1988 di bawah TPU telah disalurkan kepada IKS. Prestasi penyaluran dana TPKSK yang lemah ini pula boleh dikaitkan dengan persepsi individu yang terlibat secara langsung dengan pemberian pinjaman TPKSK tentang tabung-tabung tersebut.

Memandangkan majoriti daripada institusi pelaksana terdiri daripada bank-bank perdagangan dan bank-bank ini pula mempunyai produk pembiayaan mereka sendiri untuk dipasarkan, selain daripada TPKSK, perbandingan kedua-dua jenis pinjaman ini dari perspektif pegawai-pegawai bank perdagangan boleh dijadikan input, bukan saja untuk meningkatkan tahap penyaluran dana daripada tabung-tabung ini, tetapi dalam pengubalan dasar kerajaan yang lebih berkesan untuk menangani masalah kekurangan modal IKS.

Artikel ini membentangkan penyelidikan yang memfokus kepada pendapat pegawai-pegawai bank perdagangan mengenai TPKSK, relatif kepada pinjaman biasa. Penelitian tentang perbezaan antara pendapat pengurus cawangan dengan pendapat pegawai kredit dan perbezaan pendapat antara pegawai bank di bandar dengan pegawai bank di luar bandar juga dilaksanakan untuk membolehkan saranan yang lebih khusus dilakukan.

SOROTAN LITERATUR

Setakat ini tidak ada penyelidikan yang telah dijalankan untuk mengkaji perbezaan antara TPKSK dengan pinjaman biasa dari mana-mana perspektif termasuk dari perspektif pegawai bank.

Kajian lepas lebih banyak tertumpu kepada persepsi pegawai bank tentang faktor kegagalan IKS dalam mendapatkan pembiayaan bank dan masalah yang mereka hadapi dalam menyalurkan dana kepada firma IKS. Antara kajian-kajian ini adalah kajian oleh Haron (1990), Haron dan Shanmugam (1994a) dan Haron (1996). Kajian-kajian ini mendapati antara masalah yang dihadapi oleh pegawai bank dalam pemberian pinjaman kepada IKS adalah maklumat yang tidak lengkap dalam kertas kerja permohonan pinjaman, tekanan oleh IKS untuk kelulusan segera pinjaman dan kegagalan IKS memberikan penjelasan yang profesional akan kesulitan kewangan mereka.

Kajian Haron dan Shanmugam (1994b) menunjukkan bahawa masalah-masalah yang dihadapi oleh pegawai bank agak berbeza daripada masalah yang dihadapi oleh pengurus kredit. Kajian ini juga merumuskan bahawa pegawai bank di bandar mempunyai tahap keyakinan yang lebih tinggi berbanding dengan pegawai bank di luar bandar tentang potensi perniagaan kecil.

METODOLOGI

Kerangka Kajian

Sebahagian besar daripada kerangka kajian telah dibangunkan berasaskan pendapat serta maklumat daripada pakar rujuk.² Ini adalah disebabkan kekurangan literatur yang membincangkan tentang topik kajian. Proses pembentukan kerangka kajian ini melibatkan temubual dengan menfokus kepada masalah semasa tentang pentadbiran TPKSK dan faktor-faktor penting yang menjadi pendorong atau penghalang kepada usaha mempromosikan dan menyalurkan dana TPKSK kepada IKS. Daripada proses ini, empat aspek perbezaan antara TPKSK dengan pinjaman biasa telah dikenal pasti iaitu (i) bebanan pentadbiran (ii) tahap keuntungan (iii) kemungkinan bermasalah dan (iv) sumbangan kepada kenaikan pangkat.

Pegawai bank dijangka mengutamakan pinjaman yang melibatkan proses yang lebih mudah dan menguntungkan kerana ia dapat meningkatkan imej dan prestasi cawangan dan diri mereka sendiri. Sebaliknya pegawai bank akan cuba mengelakkan diri daripada

memberi pinjaman sekiranya dijangkakan pinjaman tersebut berkemungkinan tinggi untuk bermasalah. Pinjaman yang bermasalah bukan saja memerlukan pemantauan rapi tetapi melibatkan lebih banyak masa dan kos untuk mengutip semula wang yang telah dipinjamkan.

Aspek seterusnya yang dijangka mempengaruhi sikap pegawai bank dalam memberi pinjaman ialah potensi kenaikan pangkat. Dijangkakan sekiranya kejayaan sesuatu program pinjaman itu akan berkait rapat dengan peluang kenaikan pangkat maka pegawai bank akan berusaha untuk menjayakan program tersebut.

Pinjaman mana yang lebih digalakkan dijangkakan mempunyai perkaitan dengan pendapat tentang empat aspek tersebut. Walau bagaimanapun ini tidak semestinya berlaku jika pegawai bank itu lebih mengutamakan kepentingan IKS dan dasar kerajaan. Dalam mentafsirkan tahap keutamaan pegawai bank kepada masalah IKS dan dasar kerajaan, penyelidikan ini juga menganalisis pendapat pegawai bank tentang tiga pernyataan berikut; (i) TPKSK perlu diadakan, (ii) TPKSK perlu disalur melalui bank perdagangan dan (iii) Pelaksanaan TPKSK membebankan.

Cadangan daripada pakar rujuk digabung dengan usul daripada karya lepas untuk membentuk kerangka kajian yang mantap dalam mencadangkan kemungkinan ciri-ciri tertentu pegawai bank yang mempengaruhi pendapat mereka mengenai TPKSK. Di antaranya ialah kajian oleh Haron dan Shanmugam (1994b) di mana penyelidik telah mempamerkan bukti yang menyokong kewujudan perbezaan pendapat di antara pegawai bank mengikut (a) faktor lokasi cawangan, iaitu sama ada di bandar atau di luar bandar, dan (b) faktor jawatan pegawai, iaitu sama ada pegawai bank tersebut adalah pengurus cawangan ataupun pegawai kredit. Perbezaan ini juga dijustifikasikan atas dasar perbezaan dalam tugas yang terlibat serta dedahan kepada maklumat yang berbeza.

Populasi dan Sampel

Populasi kajian ini terdiri daripada semua pengurus cawangan dan pegawai kredit bank-bank perdagangan di Malaysia. Bank-bank yang terlibat meliputi semua bank domestik dan bank asing yang beroperasi di Malaysia. Alamat cawangan-cawangan bank didapati daripada laporan tahunan bank. Daripada senarai 1,200 cawangan yang telah dikenal pasti, 300 cawangan telah dipilih secara persampelan rawak strata bersistematik untuk dimasukkan dalam sampel kajian.¹

Instrumen dan Kaedah Analisis Kajian

Data kajian ini diperoleh melalui soal selidik yang dibangunkan oleh penyelidik berdasarkan kerangka kajian seperti yang dibincangkan. Soal selidik ini dibahagi kepada tiga bahagian iaitu (i) bahagian berhubung dengan butiran peribadi responden merangkumi faktor umur, kelulusan akademik, bidang pengajian, tempoh perkhidmatan di bank, penglibatan di dalam tugas pemberian kredit, lokasi tempat kerja, jawatan disandang dan taraf bank, (ii) bahagian yang melibatkan perbandingan aspek-aspek tertentu TPFSK relatif kepada pinjaman biasa yang merangkumi persoalan tentang pengendalian tabung, keuntungan, kemungkinan bermasalah dan sumbangan kepada kenaikan pangkat, dan (iii) bahagian yang melibatkan pendapat mengenai perkara-perkara umum berkaitan dengan pelaksanaan tabung.

Untuk memastikan kesahihan muka (*face validity*) dan kesahihan kandungan (*content validity*) instrumen kajian (Babbie, 2004), soal selidik yang dibangunkan diselaraskan dengan sorotan literatur yang mendalam dan pendapat serta maklumat daripada pakar rujuk.² Soal selidik ini juga telah diuji kesesuaiannya melalui pengedaran secara bersemuka bagi mendapatkan reaksi beberapa orang responden terhadap soalan-soalan yang ditanya. Penambahbaikan telah dilakukan kepada soal selidik ini sebelum ianya dihantar kepada responden yang terpilih.³

Sebanyak dua set soal selidik, iaitu satu untuk diisi oleh pengurus cawangan dan satu lagi untuk pegawai kredit, dihantar melalui pos kepada setiap cawangan yang dipilih.

Sejumlah 166 soal selidik telah dikembalikan mewakili 28% kadar respon. Butiran responden adalah seperti di Lampiran 1. 53.6% daripada responden adalah daripada cawangan di kawasan bandar manakala 46.4% adalah daripada cawangan di kawasan luar bandar. Pengurus cawangan mewakili 47.2% daripada responden manakala pegawai kredit mewakili 52.7% daripada responden. Ini menunjukkan kadar respon di kalangan pengurus cawangan ialah 25.7% manakala kadar respon di kalangan pegawai kredit ialah 28.7%.

Kaedah perihalan dan inferen digunakan dalam menganalisa data yang diperoleh. Kaedah perihalan meliputi analisis taburan, peratusan dan perbandingan manakala kaedah inferen melibatkan pengujian statistik seperti ujian khi-kuasa dua dan Ujian 't' dengan tahap keyakinan 95% digunakan.

DAPATAN KAJIAN

Pandangan terhadap TPKSK dan Pinjaman Biasa

Taburan pendapat responden berkaitan dengan perbandingan aspek-aspek tertentu antara pinjaman biasa dengan TPKSK dirumuskan dalam Jadual 1.

Jadual 1
Perbandingan Pendapat Pegawai Bank tentang Aspek-Aspek Tertentu antara Pinjaman Biasa dengan TPKSK

Aspek	Pinjaman Biasa	Tiada perbezaan	TPKSK	Tidak pasti
Lebih mudah	91 (55.8%)	64 (39.3%)	2 (1.2%)	4 (2.5%)
Lebih menguntungkan	100 (61.3%)	33 (20.2%)	22 (13.5%)	6 (3.7%)
Lebih kemungkinan bermasalah	6 (3.7%)	86 (52.8%)	65 (39.9%)	6 (3.7%)
Lebih menyumbang kepada kenaikan pangkat	31 (19.3 %)	105 (65.2%)	6 (3.7%)	19 (11.8%)

Daripada keseluruhan responden, hanya 1.2% berpendapat bahawa TPKSK lebih mudah, 13.5% berpendapat bahawa TPKSK lebih menguntungkan, 3.7% berpendapat bahawa TPKSK lebih menyumbang kepada kenaikan pangkat manakala 40% menyatakan bahawa TPKSK lebih berkemungkinan bermasalah.

Dari aspek bebanan pentadbiran pinjaman, 57% responden menyatakan bahawa terdapat perbezaan berbanding 37% menyatakan tiada perbezaan. Daripada responden yang menyatakan terdapat perbezaan, majoriti (98%) menyatakan pinjaman biasa lebih mudah diurus berbanding dengan TPKSK.

Pendapat yang sama, tetapi dengan peratusan perbezaan yang lebih ketara, diperolehi dari aspek tahap keuntungan pinjaman yang dikeluarkan. 74.8% responden bersetuju wujudnya perbezaan dari segi keuntungan daripada pinjaman yang dikeluarkan (hanya 20.2% menyatakan tiada perbezaan). Dari aspek ini, 82% menyatakan pinjaman biasa lebih menguntungkan berbanding pinjaman TPKSK.

Dari aspek dedahan kepada masalah, 52.8% menyatakan tiada perbezaan antara pinjaman biasa dengan TPKSK. Majoriti (91.5%) daripada yang selebihnya menyatakan bahawa TPKSK lebih berkemungkinan bermasalah berbanding pinjaman biasa.

Kurang separuh daripada responden, iaitu 34.8%, berpendapat bahawa terdapat perbezaan antara kedua-dua jenis pinjaman dalam menyumbang kepada kenaikan pangkat. Di kalangan mereka hanya 15.2% (3.7% daripada keseluruhan responden) menyatakan bahawa TPKSK lebih menyumbang kepada kenaikan pangkat.

Perbandingan Pendapat mengikut Faktor Lokasi dan Jawatan

Bebanan Pentadbiran Pinjaman

Pendapat tentang pinjaman manakah yang lebih mudah diurus mengikut faktor lokasi dan jawatan dibentangkan dalam Jadual 2.

Jadual 2
Tabulasi Rentas antara Pendapat "Pinjaman Manakah Lebih Mudah Diurus" dengan Faktor Lokasi dan Jawatan serta Keputusan Ujian Khi Kuasa Dua

Faktor	TPKSK	Tiada Perbezaan	Pinjaman Biasa	Jumlah	χ^2_a (Nilai -p)
Bandar	2 (2.4%)	33 (38.8%)	50 (58.8%)	85 (100%)	0.074 (0.456)
Luar bandar	0 (0%)	31 (41.9%)	43 (58.1%)	74 (100%)	
Pengurus cawangan	2 (2.7%)	31 (41.9%)	41 (55.4%)	74 (100%)	0.439 (0.309)
Pegawai Kredit	0 (0%)	31 (37.8%)	51 (62.2%)	82 (100%)	

a- kategori TPKSK telah dikecualikan

Ujian statistik yang dilaporkan dalam Jadual 2 menunjukkan bahawa tidak ada perkaitan antara pendapat ini dengan faktor lokasi dan jawatan. Taburan pendapat pegawai bank di bandar adalah konsisten dengan taburan pendapat pegawai bank di luar bandar. Perbezaan pendapat antara pengurus cawangan dan pegawai kredit juga didapati tidak signifikan.

Keuntungan Pinjaman

Pendapat tentang pinjaman mana lebih menguntungkan mengikut faktor lokasi dan jawatan dibentangkan dalam Jadual 3.

Ujian statistik ke atas pendapat keseluruhan responden menunjukkan tiada perbezaan pendapat antara responden bandar dengan luar

bandar tentang pinjaman mana yang lebih menguntungkan. Penemuan yang menarik adalah terdapat perbezaan pendapat yang signifikan di antara pengurus cawangan dan pegawai kredit ($\chi^2 = 11.58$, nilai-p = 0.003). Walaupun majoriti dalam setiap kumpulan ini berpendapat bahawa pinjaman biasa lebih menguntungkan berbanding pinjaman TPKSK, peratusan yang berpendapat demikian adalah jauh lebih tinggi di kalangan pegawai kredit berbanding dengan pengurus cawangan.

Jadual 3
Tabulasi Rentas antara Pendapat "Pinjaman mana lebih menguntungkan" dengan Faktor Lokasi dan Jawatan serta Keputusan Ujian Khi Kuasa Dua

Faktor	TPKSK	Tiada Perbezaan	Pinjaman Biasa	Jumlah	χ^{2a} (Nilai -p)
Bandar	13 (15.7%)	17 (20.5%)	53 (63.9%)	83 (100%)	0.4 (0.819)
Luar bandar	9 (12.2%)	16 (21.6%)	49 (66.2%)	74 (100%)	
Pengurus cawangan	15 (20.3%)	21 (28.4%)	38 (51.4%)	74 (100%)	11.578 (0.003)*
Pegawai Kredit	7 (8.8%)	11 (13.8%)	62 (77.5%)	80 (100%)	

* - signifikan pada tahap keertian 5%

Kemungkinan Bermasalah

Jadual 4 memaparkan taburan pendapat responden tentang pinjaman mana yang lebih bermasalah mengikut faktor lokasi dan jawatan.

Jadual 4
Tabulasi Rentas antara Pendapat "Pinjaman mana lebih bermasalah" dengan Faktor Lokasi dan Jawatan serta Keputusan Ujian Khi Kuasa Dua

Faktor	TPKSK	Tiada Perbezaan	Pinjaman Biasa	Jumlah	χ^{2a} (Nilai -p)
Bandar	32 (37.6%)	51 (60%)	2 (2.4%)	85 (100%)	1.517 (0.143)
Luar bandar	33 (45.8%)	35 (48.6%)	4 (5.6%)	72 (100%)	
Pengurus cawangan	27 (37.0%)	45 (61.6%)	1 (1.4%)	73 (100%)	1.473 (0.147)
Pegawai Kredit	36 (44.4%)	40 (49.4%)	5 (6.2%)	81 (100%)	

a - kategori pinjaman biasa telah dikecualikan

Diperhatikan bahawa dalam kedua-dua kategori lokasi, peratusan yang berpendapat bahawa kedua-dua pinjaman ini sama saja dari segi keuntungan adalah tertinggi, diikuti oleh peratusan yang berpendapat bahawa pinjaman biasa lebih menguntungkan dan peratusan yang paling rendah adalah yang memihak kepada TPKSK. Meskipun taburan peratusan bagi kedua-dua lokasi ini berbeza, ujian statistik yang dijalankan merumuskan bahawa perbezaan ini tidak signifikan. Rumusan yang sama boleh dibuat tentang persamaan pendapat antara pengurus bank dan pegawai kredit.

Sumbangan kepada Kenaikan Pangkat

Jadual 5 menunjukkan majoriti daripada responden dalam setiap kategori lokasi dan jawatan berpendapat bahawa pinjaman biasa dan TPKSK adalah sama saja dari segi sumbangan kepada kenaikan pangkat. Walau bagaimanapun, di kalangan mereka yang menyatakan ada perbezaan, peratusan yang memihak kepada pinjaman biasa adalah jauh lebih besar daripada peratusan yang memihak kepada TPKSK bagi semua kategori. Ujian khi kuasa dua menyokong bahawa tiada perbezaan pendapat dalam aspek ini di kalangan pegawai bank dan pengurus cawangan dan di kalangan pegawai bank di bandar dan di luar bandar.

Jadual 5
 Tabulasi Rentas antara Pendapat "Pinjaman mana lebih melambangkan kecekapan dan menyumbang kepada kenaikan pangkat" dengan Faktor Lokasi dan Jawatan serta Keputusan Ujian Khi Kuasa Dua

Faktor	TPKSK	Tiada Perbezaan	Pinjaman Biasa	Jumlah	χ^2 ^a (Nilai -p)
Bandar	55 (71.4%)	2 (2.6%)	20 (26%)	77 (100%)	1.425 (0.162)
Luar bandar	50 (76.9%)	4 (6.2%)	11 (16.9%)	65 (100%)	
Pengurus cawangan	55 (73.3%)	1 (1.3%)	12 (16%)	75 (100%)	1.919 (0.119)
Pegawai Kredit	49 (59%)	36 (43.4%)	19 (22.9%)	83 (100%)	

a - kategori TPKSK telah dikecualikan

Pendapat mengenai TPKSK secara umum

Jadual 7 menunjukkan bahawa pegawai-pegawai bank perdagangan berpendapat bahawa dana untuk IKS perlu diadakan (90% bersetuju,

min = 4.08) dan berpendapat bahawa mereka patut disalurkan melalui bank-bank perdagangan (77% bersetuju, min = 3.83). Pelaksanaan dana IKS juga dilihat sebagai tidak begitu membebankan (12% bersetuju, min = 2.45).

Jadual 7
Pendapat Mengenai TPKSK Secara Umum

Pendapat	Skor Min ^a	Sisihan piawai
Dana IKS perlu diadakan	4.08	0.584
Dana IKS patut disalurkan melalui bank perdagangan	3.83	0.793
Perlaksanaan Dana IKS membebankan	2.45	0.876
^a '1'- sangat tidak setuju	'2' - tidak setuju	'3'- 50/50
'4'- setuju	'5' - sangat setuju	

Perbandingan skor min antara kategori-kategori responden yang berbeza dirumuskan dalam Jadual 8 dan 9.

Jadual 8
Perbandingan Skor Min Pendapat Am Mengenai TPKSK Secara Umum antara Pegawai Bank di Bandar dengan Pegawai Bank di Luar Bandar dan Keputusan Ujian 't'

Pendapat	Skor Min ^a		Ujian t	
	Bandar	Luar	Nilai 't'	Nilai-p bandar
Dana IKS perlu diadakan	4.15	4.00	1.609	0.110
Dana IKS patut disalurkan melalui bank perdagangan	3.87	3.79	0.601	0.549
Perlaksanaan Dana IKS membebankan	2.39	2.51	-0.872	0.385
^a '1'- sangat tidak setuju	'2' – tidak setuju		'3' – 50/50	
'4' – setuju	'5' – sangat setuju			

Keputusan Ujian 't' dalam Jadual 8 tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan dalam tahap persetujuan antara pegawai bank di bandar dengan pegawai bank di luar bandar tentang perlunya tabung IKS diadakan, penyaluran dibuat melalui bank-bank perdagangan dan bebanan dana tersebut.

Manakala Ujian 't' dalam Jadual 9 memberi kesimpulan bahawa tahap persetujuan tentang perlunya tabung IKS diadakan dan penyaluran dibuat melalui bank-bank perdagangan mempunyai hubungan yang

signifikan dengan jawatan pegawai bank. Adalah jelas daripada jadual ini bahawa tahap persetujuan tersebut adalah lebih tinggi di kalangan pengurus cawangan berbanding dengan pegawai kredit.

Jadual 9
Perbandingan Skor Min Pendapat Mengenai TPKSK Secara Umum
antara Pegawai Kredit dengan Pengurus Cawangan dan
Keputusan Ujian 't'

Pendapat	Skor Min ^a		Ujian t	
	Pengurus Cawangan	Pegawai Kredit	Nilai 't'	Nilai-p
Dana IKS perlu diadakan	4.19	3.96	2.591	0.010*
Dana IKS patut disalurkan melalui bank perdagangan	4.00	3.67	2.695	0.008*
Perlaksanaan Dana IKS membebankan	2.31	2.55	-1.796	0.074

^a '1' - sangat tidak setuju '2' - tidak setuju '3' - 50/50
'4' - setuju '5' - sangat setuju

* signifikan pada aras keertian 5%

RUMUSAN

Kajian ini dijalankan dengan tujuan ingin mencari jawapan kepada beberapa persoalan yang ada hubungkaitnya dengan kejayaan program bantuan kewangan yang diadakan oleh kerajaan bagi membantu menyelesaikan masalah kewangan di kalangan usahawan industri kecil dan sederhana. Kajian ini penting kerana bilangan usahawan bertaraf kecil dan sederhana ini merupakan kelompok besar di dalam ekonomi dan memberikan sumbangan besar di dalam pembangunan negara terutamanya di dalam menyediakan peluang pekerjaan. Oleh kerana pinjaman ini disalurkan melalui institusi kewangan maka ia akan menimbulkan beberapa persoalan utama dan persoalan ini kadangkala akan menimbulkan permasalahan yang mempengaruhi kejayaan program tersebut. Persoalan pertama ialah faktor sama ada bank mempunyai iltizam yang tinggi untuk menjayakannya dan iltizam ini biasanya digambarkan oleh perasaan ingin bekerja kuat di kalangan pegawai yang tugasnya memberikan pinjaman ini kepada usahawan. Logiknya, seseorang itu akan mempunyai motivasi yang tinggi sekiranya segala usaha yang dilakukan akan memberikan pulangan kepadanya. Pulangan ini

mungkin dalam bentuk kenaikan gaji atau lebih penting mendapat kenaikan pangkat. Perkara kedua ialah dari segi kurang keperluan pentadbiran. Sebagai contoh, seorang pegawai akan memilih untuk melaksanakan kerja yang lebih menggambarkan kecekapannya dan mudah cara perlaksanaannya. Mereka pasti akan berusaha untuk melaksanakan kerja-kerja yang lebih mudah dan rendah keperluan pentadbirannya. Oleh itu, jika dengan memberikan pinjaman di bawah program kerajaan akan menambahkan beban pentadbiran maka semestinya mereka tidak akan berusaha membanyakkan pinjaman jenis ini. Seperti yang telah dinyatakan terdahulu, bank perdagangan mempunyai pilihan sama ada untuk memberi pinjaman menggunakan dana daripada TPKSK atau menggunakan dana sendiri. Adalah dijangkakan bahawa pihak bank akan memberi pinjaman di bawah TPKSK sekiranya skim ini lebih mudah dilaksanakan, lebih menguntungkan, lebih rendah kemungkinan untuk bermasalah dan lebih menyumbang kepada kenaikan pangkat pegawai bank.

Analisis yang telah dijalankan menunjukkan bahawa peratusan yang besar di kalangan pegawai-pegawai bank berpendapat bahawa TPKSK, jika dibandingkan dengan pinjaman biasa, lebih susah diurus, lebih kurang menguntungkan, lebih berpotensi untuk bermasalah dan sama saja dari segi sumbangan kepada kenaikan pangkat. Dapatan kajian ini secara tidak langsung memberi penjelasan kepada masalah penyaluran dana TPKSK yang lembab di kalangan bank-bank perdagangan. Adalah dicadangkan agar kerajaan, khususnya BNM, dan pihak pengurusan bank meneliti semula proses-proses kerja yang terlibat dalam pemberian pinjaman daripada TPKSK agar ianya dapat dipermudahkan. Mengenai keuntungan dan potensi untuk bermasalah adalah disarankan agar pihak kerajaan memberi insentif-insentif tambahan seperti perlepasan cukai dua kali dan kos yang rendah untuk meningkatkan tahap keuntungan daripada TPKSK. Selain itu, pihak kerajaan juga boleh memberi insentif kepada bank dalam bentuk anugerah-anugerah tertentu kepada bank atau cawangan yang paling banyak memberikan pinjaman di bawah skim ini. Pengiktirafan mungkin boleh menjadi rangsangan untuk pegawai bank berusaha meningkatkan pinjaman TPKSK. Adalah dicadang juga agar pihak pengurusan atasan bank mengkaji sistem remunerasi dengan memberi perhatian secara jelas kepada pemberian pinjaman TPKSK.

Dapatan kajian bahawa tiada perbezaan pendapat di antara pegawai bank di bandar dan luar bandar tentang perbandingan TPKSK dengan pinjaman biasa dalam semua aspek yang dikaji adalah petanda yang baik. Ia mungkin menandakan keseragaman operasi dan ketiadaan jurang maklumat dan pengetahuan di antara lokasi-lokasi bank. Sekali

gus ia mengurangkan tanggapan bahawa IKS di lokasi berbeza akan menghadapi masalah yang berbeza dalam permohonan pinjaman TPKSK. Wujudnya perbezaan pendapat di antara pengurus cawangan dan pegawai kredit mengenai aspek keuntungan adalah selari dengan hasil kajian Haron dan Shanmugan (1994b). Perbezaan pendapat ini adalah sesuatu yang perlu perhatian. Ia mungkin terhasil daripada kewujudan jurang maklumat dan pengetahuan di antara kedua-dua kategori pegawai bank ini.

Tahap persetujuan yang tinggi di kalangan pegawai bank bahawa kerajaan perlu mengadakan dana khas untuk IKS dan dana tersebut patut disalurkan melalui bank-bank perdagangan bererti apa yang dilakukan oleh kerajaan dipersetujui oleh pihak bank. Ini menandakan prospek masa depan yang cerah untuk penyaluran TPKSK oleh bank-bank perdagangan. Perbezaan yang signifikan dalam perkara-perkara ini antara pengurus cawangan dengan pegawai kredit adalah sesuatu yang perlu kajian lanjut dari segi puncanya dan implikasinya.

NOTA AKHIR

- ¹ Cawangan-cawangan bank yang dikenal pasti telah disusun mengikut negeri dan dinomborkan. Seterusnya, cawangan-cawangan di selang tiga kedudukan telah dipilih untuk membolehkan 300 cawangan dimasukkan ke dalam sampel kajian.
- ² Pakar rujuk untuk kajian ini terdiri daripada pengurus cawangan Bank Islam (BIMB), HSBC dan Maybank, seorang pegawai kredit masing-masing daripada BIMB, Bumiputra Commerce Bank (BCB) dan Standard Chartered Bank, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan, dan Pegawai daripada Unit Khas Perniagaan Kecil dan Sederhana, Bank Negara Malaysia.
- ³ Analisis kebolehpercayaan bagi menentukan keseragaman pengukur-pengukur dalam instrumen kajian (soal selidik) tidak dilaksanakan dalam kajian ini kerana instrumen kajian tidak melibatkan pengukuran konstruk. Oleh itu kolerasi di antara soalan tidak diperlukan (lihat Barbie, 2004). Setiap pembolehubah yang dikaji diukur secara langsung oleh satu soalan. Atas alasan yang sama, isu tentang kesahihan konstruk juga tidak relevan dalam kajian ini.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada Universiti Utara Malaysia kerana membiayai kajian ini dan Profesor Sudin Haron kerana komen dan ulasan beliau.

RUJUKAN

- Amstead, M. (1999). Crying all the way from the bank. *Director*, 38-42.
- Babbie, E. (2004). *The practice of social research*, (10th ed). Thomson – Wadsworth. USA.
- Bank Negara Malaysia. (1999). *The central bank and the financial system in Malaysia- a decade of change*. Malaysia.
- Binks, M. & Ennew, C. (1996). Finance small firm. In P. Burns & J. Dewhurst (Eds.), *Small Business and Entrepreneurship*, (2nd ed.), Macmillan Small Business Series, 110-130.
- Boocock, J. G. & Wahab (1997). The financing practices and problems of growth-oriented small firms in Malaysia. *Journal of International Business & Entrepreneurship*, 5 (2), 25-36.
- Carpenter, R. E. & Peterson, B. C. (2002). Is the growth of small firms constrained by internal finance? *Review of Economics & Statistics*, 298-310.
- Haron, S. (1990). Small scale entrepreneurs: Perceptions of Malaysian commercial bankers. *Malaysian Management Review*, 25(2), 31-38.
- Haron, S. (1996). Lending to small business in Australia: A note. *Small Enterprise Research*, 4(1), 17-26.
- Haron, S. & Shanmugam, B. (1994a). Lending to small business in Malaysia. *Journal of Small Business Management*, 32(4), 88-95.
- Haron, S & Shanmugam, B. (1994b). Variation in perception between managers and loan officers towards small business loans: A case study of Malaysian banks. *Malaysian Journal of Small and Medium Enterprises*, 5, 41-53.
- Hashim, M. K. (1999). A review of the role of SMEs in the manufacturing sector in Malaysia, *Malaysian Management Review*, 34(1), 40-49.
- Poll, H. (1995). *SME Development in Kedah: Outline of Mission Findings and Results*. Government of Malaysia -- UND/UN – DDSMS PROJECT MAL/94/002.
- Weidner, D. (1998). Small growth companies do more self-financing. *American Banker*, 1-2.

Lampiran 1: Profil Responden

Faktor Demografi	N	%
<i>1. Umur (tahun)</i>		
• < 29	18	10.8
• 30 – 34	34	20.5
• 35 – 39	30	18.1
• > 40	84	50.6
<i>2. Kelayakan Akademik Tertinggi</i>		
• SPM or Diploma	66	39.8
• Ijazah atau kelayakan profesional	100	60.2
<i>3. Disiplin Ilmu</i>		
• Perniagaan, perakaunan atau ekonomi	138	85.7
• Sastera, kejuruteraan dan sains	23	14.3
<i>4. Tempoh Perkhidmatan dalam Industri Perbankan</i>		
• <5	15	9.0
• 5 – 9	35	21.1
• 10 – 14	18	10.8
• 15 – 19	46	27.7
• > 20	52	31.3
<i>5. Tempoh Penglibatan Dalam Tugas Pemberian Kredit</i>		
• < 5	42	25.3
• 5 – 9	57	34.3
• 10 – 14	66	39.8
<i>6. Jawatan</i>		
• pengurus cawangan	77	47.2
• pegawai kredit	86	52.8
<i>7. Lokasi Bank</i>		
• metropolitan dan bandar besar	89	53.6
• bandar kecil	77	46.4
<i>8. Status Bank</i>		
• Domestic	152	91.6
• luar	14	8.4